

PERHIMPUNAN AGUNG UMNO 2015

'Dalam politik apa saja boleh berlaku dan tidak mustahil ada kebenarannya'



Kira-kira seminggu lagi, Perhimpunan Agung UMNO (PAU) 2015 akan membuka tirai persembahan sebagai pentas tahunan membincangkan survival parti teras kerajaan itu.

Pelbagai isu dalaman parti dan masalah negara yang melanda pastinya menjadi topik hangat perwakilan untuk mendapatkan jawapan dan penyelesaian terbaik daripada pucuk pimpinan parti.

Namun, keputusan Majlis Tertinggi (MT) Selasa lalu untuk mengubah tradisi Timbalan Presiden parti merasmikan serentak Perhimpunan Agung Wanita, Pemuda dan Puteri kepada ketua sayap masing-masing mengejutkan ramai pemerhati politik tanah air.

Sudah pastinya ia menimbulkan polemik di saat UMNO menghadapi krisis kepimpinan dan mengalami defisit kepercayaan rakyat.

Bagi merungkil lebih lanjut situasi politik dan perjalanan PAU 2015 tidak lama lagi, Kafe Ahad mendapatkan pandangan penganalisis geo politik dari **Universiti Kebangsaan Malaysia Prof Dr Mohd Fuad Mat Jali**.

Oleh Mohd Nasif Badruddin
mnasif@metro.com.my

Secara umum, bagaimana Prof melihat PAU 2015 kali ini, apakah yang akan menjadi topik utama perbincangan?

Perhimpunan kali ini amat penting untuk menyatukan ahli yang berasaskan diri mereka terpinggir selepas beberapa isu dan krisis berlaku. Pemimpin parti perlu menggunakan platform ini sebaik mungkin untuk menjernihkan keadaan dan mengakhiri kemelut dengan tuntas serta harmoni.

Lebih penting, mereka perlu mengatur strategi untuk memenangi hati rakyat menjelang Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 selepas ada pihak berasa hati dengan beberapa tindakan kurang popular yang diambil kerajaan atau parti pemerintah sebelum ini.

Apa pandangan Prof mengenai keputusan MT mengubah tradisi Timbalan Presiden parti merasmikan serentak Perhimpunan Agung Wanita, Pemuda dan Puteri kepada ketua



sayap masing-masing?

Dari segi perlembagaan parti, ia tidak salah dan kita patut menghormati keputusan MT serta cadangan sayap parti untuk ketua merasmikan perhimpunan masing-masing kali ini.

Pelbagai persepsi boleh dibangkitkan daripada keputusan ini, namun mahu atau tidak, kita perlu akur dan perlu dilihat dari konteks berbeza kerana ada hikmah tersendiri.

Kita perlu lihat dulu apa signifikannya se-

belum memberi pandangan. Saya lebih suka melihatnya dari sudut positif, kerana jika Timbalan Presiden merasmikannya, ia akan bercakap perkara lebih besar serta menyeluruh mengenai parti dan sayap tapi jika ketua sayap masing-masing merasmikan, ia lebih fokus serta dekat dengan perwakilan.

Apabila ketua mereka sendiri berucap merasmikan perhimpunan, perwakilan akan rasa lebih dekat, mesra, senang berkomunikasi dan perbincangan lebih fokus tanpa rasa kekok. Jika tradisi baru ini berjalan baik dan ada kesimpulan menarik, tidak mustahil ia akan menjadi ikutan parti lain.

Apa pandangan Prof mengenai isu dalaman parti yang berlaku ketika ini dan adakalanya ia seolah memberi peluru percuma kepada pembangkang?

Sejak dulu lagi, umum mengetahui parti pernah ada masalah dan mengalami zaman gemilang serta suram. Dengan kecanggihan teknologi dan zaman media sosial kini, orang ingin tahu apa perkara sebenar berlaku seperti adakah wujud krisis kepimpinan antara Presiden parti dengan Timbalan Presiden parti serta isu dana politik.

Isu sebegini bukan rahsia lagi dan semua orang sudah tahu. Tetapi sebagai ahli parti, mereka mahukan penjelasan konkrit dan bagi pemimpin pula mereka boleh menggunakan PAU sebagai platform untuk mendapat reaksi serta persoalan terus dari akar umbi.

Bezanya di sini, bagaimana masalah itu dikupas berdasarkan input. Adakah lebih banyak mengkritik atau mencari penyelesaian. Kita tidak boleh terus berada dalam sindrom penafian, sebaliknya memberi penjelasan dengan cara baik berdasarkan fakta.

Senario ini juga seolah-olah menjadi rangkai apabila wujud sekelompok ketua cawangan yang berani mendesak Perdana Menteri meletak jawatan sebagai luahan terhadap krisis kepimpinan sekarang, bagaimana Prof melihat perkara ini?

Secara praktikal, kita tidak boleh bandingkan dengan zaman 50-an atau 60-an yang mana sumber maklumat terhad dan orang tidak berani bersuara. Zaman media sosial sekarang, maklumat tidak boleh disekat dan orang boleh lontarkan apa saja perkara yang tidak puas hati sehingga ia menjadi viral.

Tindakan beberapa Ketua Cawangan UMNO mendesak Perdana Menteri meletak jawatan perlu dilihat dari pelbagai sudut sama ada atas dasar kelemahan kepimpinan atau sekadar menjadi alat pendesak.

Mereka perlu memberikan alasan kukuh kenapa hilang kepercayaan terhadap Perdana Menteri, adakah ia disebabkan kelemahan kepimpinan, tidak telus atau kecewa dengan isu melanda negara yang tidak dapat diselesaikan.

Kalau setakat isu Malaysia Development Berhad (IMDB) atau derma RM2.6 bilion,

mereka perlu sedar ia masih dalam siasatan pihak berkuasa dan kerajaan berusaha memberi penjelasan dari semasa ke semasa.

Tetapi pada masa sama, mungkin ada yang tidak sabar dengan apa berlaku sekarang dan berasakan sudah cukup masanya bagi Perdana Menteri memimpin negara. Isu berkenaan lebih terarah kepada perkara dalaman parti dan tiada sebarang isu dibangkitkan di peringkat nasional serta antarabangsa.

Sebaliknya kepimpinan Najib dipuji ramai selaku tuan rumah apabila berjaya mengadakan Sidang Kemuncak ASEAN ke-27 baru-baru ini.

Perkara ini juga boleh dikaitkan dengan keterbukaan dan kesanggupan Perdana Menteri yang menyahut cabaran pembangkang supaya setiap parti mengisytiharkan dana politik masing-masing, namun pembangkang pula yang senyap selepas itu. Sedangkan mengikut kajian, lebih 70 peratus orang awam bersetuju dengan perkara berkenaan.

Adakah kemungkinan terdapat dalang yang berselindung di sebalik tindakan ketua cawangan terbabit?

Dalam politik apa saja boleh berlaku dan tidak mustahil ada kebenarannya. Mungkin ada pihak tidak berpuas hati dengan keputusan parti menggunakan ketua cawangan terbabit sebagai pendesak untuk memulakan gerakan dan kemungkinan ini tidak boleh dinafikan. Apapun terpujang kepada kebijaksanaan ketua bahagian dan parti untuk menyelesaikan perkara ini dengan baik bagi mengelak bencana lebih besar.

Kali ini juga UMNO mengadakan Konvensyen Pemeraksanaan Agenda Ummah 2015 sebagai persediaan untuk mengupas isu yang akan dibahaskan dalam PAU 2015, apa komen Prof?

Saya sangat setuju dengan konvensyen ini kerana ia perkara baik dan patut diteliti terlebih dulu sebelum dibawa ke pentas lebih besar. Konvensyen ini menjadi tempat yang mengumpulkan cendekiawan, ulama dan pakar dalam pelbagai bidang bagi membahaskan empat usul utama iaitu ekonomi, pendidikan, agama dan wanita.

Ia akan menghasilkan kesimpulan terbaik dari segi baik buruk dan apa impak mengenai sesuatu perkara dari pelbagai sudut untuk diperhalusi dalam PAU nanti.

Sudah pasti perkara dibincangkan itu melalui tapisan di peringkat bahagian dan diperdebatkan ramai pakar. Apa yang penting ialah ada pembuktian mengenai perkara dibincangkan dan menghasilkan strategi terbaik selain langkah seterusnya untuk memperkasakan parti serta kerajaan.

Antara perkara menarik diperkatakan ketika konvensyen itu supaya parti tidak terus berada dalam sindrom penafian dan retetan daripada itu beberapa isu yang patut menjadi wadah perjuangan parti akhirnya dijuarai pihak ketiga termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO), apa pendapat Prof?

Parti ini besar konteksnya dan berbeza dengan kerajaan yang lebih fokus kerana mempunyai pakar di peringkat kementerian atau jabatan. Namun, dalam keadaan sekarang, parti tidak boleh selektif dengan isu kerana banyak perkara dekat dengan masyarakat. Sebagai contoh kajian saya dalam PRU ke-12 dan ke-13 lalu, isu alam sekitar menduduki tempat kelima atau keenam ketertarikan pengundi berbanding nombor lapan dalam PRU sebelumnya.

Ini menunjukkan pengundi sensitif dengan isu alam sekitar yang berlaku sekarang seperti pencemaran, banjir, tanah runtuh dan pencerobohan hutan.

Kadangkala parti politik melihat isu kecil ini remeh berbanding isu ekonomi, pen-

didikan dan agama yang dirasakan lebih besar. Separutnya alam seldar atau isu lain penting kerana ia membentuk ideologi pengundi untuk memilih parti yang menjuarai isu seterusnya memberi kesan kepada kawasan setempat.

Jangan bagi NGO yang menjolok isu ini dulu. Parti politik perlu ke depan menjadi juara rakyat dalam apa saja isu kerana ia setara dengan isu nasional selain melihat dengan serius untuk menyelesaikan masalah dihadapi.

Berbalik kepada UMNO, apa yang patut diberi perhatian dan keutamaan PAU 2015 demi memastikan survival Melayu?

Ada tiga perkara utama perlu diberi perhatian iaitu perpaduan, selesaikan isu dan bersedia hadapi PRU ke-14. Parti sekarang dilihat agak bergoyang dengan tindakan beberapa pemimpin utama mengkritik parti secara terbuka dan pemimpin cawangan pula mendesak Presiden parti meletak jawatan. Justeru, pihak terbabit perlu mencari formula terbaik untuk menyelesaikan masalah ini dan tautkan semula perpaduan.

Ahli dan pemimpin perlu ikhlas untuk berjuang kepada rakyat menerusi parti. Mereka mesti beri pandangan berhemah, walaupun kritik jangan hentam tetapi beri cadangan selepas itu untuk memperbaiki keadaan. Maklumat ini perlu jelas di setiap peringkat dan jangan ada yang mendapat sepuh kerana ia boleh memberi persepsi berbeza.

Mungkin berbaki setahun atau dua lagi, kita akan menghadapi PRU ke-14 yang dikatakan lebih mencabar berbanding sebelum ini, bagaimana Prof melihat bentuk kerjasama atau saingan yang akan dihadapi oleh UMNO selaku tunjang kepada Barisan Nasional untuk berdepan pembangkang?

Politik negara sekarang agak berkecamuk dengan banyak parti dalam kerajaan dan pembangkang bergolak. Berbanding kebanyakan parti lain, UMNO masih mantap meskipun ada pergolakan di peringkat kepimpinan tertinggi dan cawangan. UMNO boleh terus kukuh dengan syarat pemimpin dan ahli tidak ada yang merajuk, kecewa, tikam belakang dan taat setia kepada apa saja keputusan dibuat pucuk pimpinan.

Secara konsensus untuk terus mendapat kepercayaan rakyat, parti perlu mempunyai strategi kukuh dan mantap mendepani cabaran dihadapi serta bersedia menghadapi apa saja kemungkinan. Di pihak pembangkang, cabarannya agak besar ketika ini apabila PAS ditentang keluar daripada Pakatan Rakyat dan rakan sekutu kemudiannya membentuk Pakatan Harapan bersama Parti Amanah Nasional (PAN) yang lahir daripada serpihan PAS.

Untuk masa depan, PAS mungkin sukar bekerjasama dengan DAP kerana ideologi berbeza apabila seorang mahukan Islam dan bertegas melaksanakan hudud manakala seorang lagi komited dengan konsep Malaysian Malaysia. Tambahan pula PAS pastinya berkerat rotan dengan bekas pemimpinnya yang membentuk Parti Amanah Rakyat sementara Parti Keadilan Rakyat (PKR) menjadi tersepit sama ada mahu berpihak kepada PAS atau DAP kerana kedua-duanya aset penting dalam pembangkang yang mempunyai kekuatan akar umbi berbanding PAN yang masih lemah.

Jadi, PAS mungkin melihat UMNO sebagai rakan paling hampir yang berkongsi matlamat sama berteraskan Islam dan komitmen parti pemerintah membincangkan hudud. Namun dalam politik apa saja boleh berlaku di saat akhir, sama ada PAS akan terus bersendirian, bekerjasama dengan UMNO atau menganggotai pakatan baru bersama pembangkang untuk bersaing dalam PRU akan datang.